Susun perbelanjaan, kawal kesan inflasi

Kuala Lumpur: Kenaikan harga barang keperluan asas seperti minyak masak, ayam dan telur menimbulkan kebimbangan terhadap peningkatan ketara barangan sekunder yang menggunakan ketiga-tiga bahan berkenaan, seterusnya menyebabkan poket pengguna semakin menipis.

Malahan langkah kerajaan meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.25 peratus pada Julai lalu, menyebabkan komitmen hutang kembali meningkat dan ini juga memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna.

Dalam keadaan yang mana inflasi makanan dijangka terus meningkat sedangkan pendapatan kekal pada tahap semasa, langkah proaktif perlu diambil pengguna ialah menyusun dan menganalisis perbelanjaan semasa dengan membuat bajet.

Walau ramai memandang remeh, bajet sebenarnya adalah satu alat paling berkesan untuk membantu pengguna mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi pendapatan.

Perbelanjaan yang melebihi pendapatan terutamanya, dibiayai menerusi hutang seperti kad kredit adalah musuh dalam selimut yang boleh menjerumuskan pengguna ke dalam beban kewangan berpanjangan.

Untuk mengelak daripada terus mengumpul hutang, pengguna perlu berbelanja berdasarkan kemampuan atau lebih baik lagi berbelanja di bawah kemampuan supaya mereka mempunyai sumber kewangan untuk dilaburkan.

Wang yang dilaburkan ini kelak boleh menjadi sumber kewangan apabila memerlukan seperti untuk membiayai keperluan perubatan, membaiki kenderaan dan sebagainya supaya mereka tidak perlu menambah hutang.

Ketika ramai antara kita yang hidup dalam keadaan cukup-cukup makan, musibah atau bencana luar jangka pastinya akan menambah lagi beban kewangan, justeru sedikit wang perlu diketepikan setiap bulan untuk pelaburan.

Tidak perlu melabur dalam jumlah yang besar, sebaliknya cukup sekadar RM30 setiap bulan secara konsisten untuk membina tabungan kecemasan.

Justeru, apabila membuat bajet, tetapkan sejumlah wang untuk pelaburan sebelum ditolak untuk perbelanjaan dan komitmen hutang.

Wang yang masih ada selepas pendapatan ditolak dengan pelaburan, komitmen hutang dan perbelanjaan untuk keperluan, barulah anda mempunyai wang untuk kehendak.

Pastikan barangan penting

Apabila berbelanja untuk keperluan, pastikan barangan penting seperti beras, minyak masak, telur, garam, gula dan barangan kering lain yang diperlukan untuk memasak, dibeli terlebih dahulu sebagai bekalan sepanjang bulan.

Ini dapat mengelak kita daripada berdepan kesesakan kewangan melampau sebelum tiba hujung bulan memandangkan kita sudah mempunyai sumber makanan untuk diri sendiri dan keluarga.

Ketika berdepan inflasi yang kian meningkat ketika ini, sama ada mahu ataupun tidak, pengguna terpaksa berkorban dengan mengenepikan kehendak seperti berbelanja untuk barangan berjenama.

Contohnya, kopi, kek dan sebagainya yang dilihat sebagai perbelanjaan kecil, tetapi sebenarnya menjadi antara punca kita tidak mempunyai cukup wang untuk melabur atau meneruskan kelangsungan hidup tanpa bergantung kepada hutang.

Sebagaimana yang sering diingatkan penasihat kewangan, kapal kadangkala karam bukan disebabkan ribut ataupun taufan, tetapi kebocoran kecil secara berterusan yang tidak disedari dan tidak dibetulkan.

Jadi, amat penting, menyusun semula perbelanjaan untuk memastikan kedudukan kewangan kita berada dalam keadaan selesa walau dalam persekitaran yang mendesak ketika ini.

KUIZ PELABURAN PNB

#Olympiad30
#CapaiKemerdekaanKewangan

2022
Kategori Umum

HADIAH-HADIAH UNTUK DIMENANGI

PERTAMA 3X RM2,000
KEDUA 5X RM1,000
KETIGA 7X RM500
KEEMPAT 10X RM300
KELIMA 25X RM200
Saguhati: 75x RM100

Tarikh tutup penyertaan: 31 Ogos 2022

H	R	X	Z	F	B	C	K	R	H	E	B	P
L	I	W	B	R	C	M	A	B	W	P	E	U
I	S	T	U	I	H	I	E	T	C	N	G	U
N	A	S	V	S	G	J	N	I	G	L	Y	K
F	L	R	Q	I	C	K	H	K	U	C	S	A
G	F	I	P	K	F	L	O	O	U	I	P	E
H	N	S	O	O	P	M	G	I	C	M	N	N
I	I	R	N	Q	P	H	Y	X	N	E	Q	H
J	Z	T	M	A	B	H	S	O	D	P	A	L
K	Z	A	U	L	Z	V	P	I	R	S	T	I
L	Y	N	H	G	S	A	V	A	J	P	F	N
M	A	I	G	Y	B	I	B	H	S	A	E	A
N	A	I	F	S	D	A	C	S	B	K	S	H
A	S	B	K	S	E	M	B	A	J	E	T	S
A	C	D	K	I	W	X	E	V	S	Z	R	Y

KAEDAH PENYERTAAN
Peserta perlu menjawab soalan dalam 2 bahagian:

BAHAGIAN 1
Cari 5 perkataan tersembunyi.
Klu: Semua perkataan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan dan pelaburan dan dinyatakan dalam artikel yang dilampirkan.

BAHAGIAN 2 - Olympiad30
Jawab semua 30 soalan yang diberikan.

Panduan jawapan boleh dicari dalam artikel yang diterbitkan bersama promosi Kuiz Pelaburan PNB ini, Facebook & YouTube Sembang-sembang ASNB dan laman web rasmi ASNB di www.asnb.com.my.

Pautan borang penyertaan boleh diakses di **www.asnb.com.my** atau imbas QR code berikut:

www.asnb.com.my

TERMA & SYARAT UMUM PENYERTAAN
i. Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia **18 tahun ke atas.**
ii. Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di **www.asnb.com.my.** Peserta perlu **menjawab secara dalam talian (on-line).**
iii. Peserta perlu menjawab soalan yang disediakan di: **Bahagian 1:** Cari lima perkataan tersembunyi dan **Bahagian 2:** 30 soalan
iv. Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
v. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
vi. Terma dan syarat lengkap Kuiz Pelaburan PNB boleh dilayari di **www.asnb.com.my**

PNB KUIZ Pelaburan ASNB SEMBANG SEMBANG ASNB